



**USM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA



PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

HGG250 - MASYARAKAT, RUANG DAN ALAM SEKITAR

SEMESTER 2

SIDANG AKADEMIK 2018/2019

**TAJUK :**

PEMETAAN KOMUNITI KAMPUS

**NAMA AHLI :**

IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI	136361
JURIANA BINTI ISMAIL	136365
NOR AMIRAH BINTI NORJAINI	136417
AISAH BINTI EMRAN	136335
NURUL ZUHEINNA BINTI TAN TECK FUI	136485
RABIATUL ADAWIYAH BINTI ZAINAL	136488
NOR HIDAYAH BINTI MOHD	136421
EFFA RIZZAN BINTI NANANG	136352
MOHLIZA BINTI MD ALI	136388

**NAMA PENSYARAH :**

DR. ASYIRAH BINTI ABDUL RAHIM

## 1.0 PENGENALAN

Kajian ini bertujuan untuk memeta penggunaan dan masalah berkaitan kehidupan komuniti kampus dengan merujuk kepada pelajar sebagai komponen utama komuniti kampus di Universiti Sains Malaysia. Kajian dilakukan berdasarkan kepada 3K di kawasan universiti, 3K merujuk kepada (Kuliah, Kafe dan Katil). Perkataan Kuliah digunakan adalah untuk merangkumi aktiviti berkaitan dengan pembelajaran di dalam kampus, Perkataan Kafe pula merangkumi aktiviti berkaitan perkhidmatan sokongan yang diperlukan di dalam kampus manakala perkataan katil merangkumi aktiviti berkaitan dengan pelajar di desasiswa. Kajian ini telah memilih kawasan desasiswa restu bagi mewakili bahagian kafe, Desasiswa Tekun mewakili bahagian Katil dan Dewan kuliah Sains Kemasyrakatan SK2 yang mewakili bahagian Kuliah. Kajian ini memperlihatkan perbincangan mengenai kepentingan yang terdapat di kawasan kajian yang telah dipilih, adakah kemudahan di setiap kawasan tersebut memberi kepuasan dan keselesaan kepada pelajar untuk melakukan aktiviti di kampus. Seterusnya, kajian ini juga akan membincangkan mengenai kelemahan infrastruktur yang terdapat di kawasan kajian untuk melihat sejauh manakah kelemahan tersebut telah memberi kekangan terhadap aktiviti para pelajar. Pengumpulan maklumat melalui kaedah temubual telah dilakukan untuk mendapatkan respon terhadap Kepentingan dan kelemahan kemudahan di setiap kawasan kajian yang mana respon tersebut telah dikumpul untuk menjadi bukti kepada kajian ini.

Kajian pemetaan komuniti ini merupakan satu kajian yang memberikan maklumat kepada masyarakat mengenai aktiviti manusia dari semua aspek kehidupan. Manusia merupakan penggerak kepada aktiviti di atas ruang, aktiviti manusia tidak terbatas di atas ruang kerana manusia berkemampuan untuk mencorak aktiviti mereka secara terancang dan sistematik. Pemetaan sosial adalah aktiviti yang dijalankan untuk memahami keadaan sosial masyarakat setempat. Pemetaan sosial dilaksanakan dalam rangka perancangan model pemberdayaan masyarakat untuk memberikan gambaran komprehensif mengenai lokasi yang dipetakan. Jika dahulu kajian pemetaan komuniti ini amat kurang dilakukan kerana terbatasnya perkembangan dalam penyelidikan dan pembangunan. Oleh itu, pada masa dahulu pemetaan komuniti ini hanya dilakukan melalui cara pembancian atau sebagainya namun pada masa ini ianya dilakukan dengan menggunakan teknologi *Geography Information System* yang mana GIS ini

dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat sebenar mengenai demografi penduduk beserta aktivitinya (Arief Sudrajat, 2016).

## **2.0 OBJEKTIF KAJIAN**

2.1 Mengenalpasti kepentingan kemudahan yang terdapat di sekitar kawasan 3K melalui pemetaan komuniti.

2.2 Mengkaji kelemahan kemudahan yang terdapat di sekitar kawasan 3K melalui pemetaan komuniti.

### **3.0 KAEDAH KAJIAN**

Metodologi atau kaedah kajian amat penting dalam menjalankan sesebuah kajian. Hal ini demikian kerana, kaedah kajian akan membantu dalam membimbing keseluruhan proses yang terlibat dalam keseluruhan penyelidikan (Palvia et. Al ,2003). Setiap kajian akan menggunakan kaedah kajian yang berlainan mengikut kesesuaian dan tujuan sesuatu kajian itu dijalankan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan tiga kaedah kajian yang berlainan iaitu:

#### **3.1 Kepustakaan**

Kaedah kepustakaan ini melibatkan kaedah pencarian atau pengumpulan maklumat-maklumat tertentu. Kaedah kepustakaan ini melibatkan bahan-bahan ilmiah seperti buku, majalah, journal, akbar, artikel dan sebagainya. Bukan itu sahaja, pengumpulan maklumat melalui internet juga termasuk dalam kaedah kepustakaan.

Pengkaji telah membuat rujukan di Perpustakaan Hamzah Sendut 1 dan 2 di Universiti Sains Malaysia. Pengkaji juga turut memanfaatkan kemudahan terkini iaitu mendapatkan bahan yang diperlukan melalui perpustakaan atas talian dan laman sesawang yang sah. Pengkaji telah melayari laman sesawang perpustakaan untuk mendapatkan bahan ilmiah berbentuk artikel dan kajian-kajian terdahulu sebagai rujukan tambahan. Pengkaji mencari kajian-kajian terdahulu untuk lebih memahami bagaimana sesuatu kajian itu dilakukan. Hal ini memudahkan dan membantu mendapatkan bahan yang lebih banyak.

#### **3.2 Kajian lapangan/ Pemerhatian**

Kajian lapangan (*field Studies*) merupakan kaedah penyelidikan yang paling sesuai untuk meneroka bidang kajian. Tujuan dan kaedah kajian lapangan ini adalah untuk mengetahui secara mendalam keadaan sebenar kumpulan atau kejadian tertentu. Kajian lapangan merupakan kaedah yang membolehkan penyelidik menghampiri permasalahan penyelidikan dengan bebas (tanpa soalan penyelidikan) dan bersifat bebas tanpa batasan di samping penekanan pada aspek yang dianggap penting (Sulaiman Masri, 2005)

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah melakukan kaedah pemerhatian. Kaedah pemerhatian ini amat penting untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas, tepat dan terperinci. Kaedah pemerhatian merupakan kaedah utama dalam kajian ini iaitu satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk memeta penggunaan dan masalah berkaitan kehidupan komuniti kampus dengan mengukur kepentingan dan kelemahan 3K (Kuliah, Kafe dan Katil) di tiga kawasan di dalam Universiti Sains Malaysia. Pengkaji telah membuat pemerhatian di ketiga-tiga kawasan kajian tersebut dan membuat beberapa catatan. Melalui pemerhatian yang dijalankan, sesuatu kepentingan dan kelemahan dalam kawasan 3K ini dapat dikenal pasti.

### **3.3 Temu Bual**

Kaedah temu bual juga merupakan salah satu kaedah yang sesuai digunakan dalam mengumpul maklumat yang berkualiti kerana dikatakan bahawa data yang diperolehi adalah semulajadi (Griffie, 2005). Terdapat beberapa langkah persediaan awal sebelum menjalankan kaedah temubual ini iaitu pengkaji perlulah memahami konsep kajian terlebih dahulu untuk mengenalpasti maklumat yang diperlukan daripada temubual tersebut. Selain itu, pengkaji perlulah terlebih dahulu menyenaraikan soalan yang bakal ditanya kepada responden. Oleh itu, pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah ini untuk mengenal pasti kepentingan dan kelemahan 3K dengan lebih lanjut menggunakan maklumat yang sahih serta bersifat asli.

Bagi menjalankan kaedah ini pengkaji telah menyediakan beberapa soalan temu bual dan telah membuat temu bual bersama beberapa pelajar yang menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Universiti Sains Malaysia iaitu di sekitar Kafe Desasiswa Restu, Desasiswa Tekun dan Dewan Kuliah Sains Kemasyarakatan C23.

## 4.0 DAPATAN & PERBINCANGAN

### 4.1 KAWASAN KAJIAN

#### 4.1.1 DESASISWA TEKUN M05 (KATIL)



**Foto 1:** Desasiswa Tekun M05

Foto 1 menunjukkan Desasiswa Tekun M09. Pengkaji memilih Desasiswa Tekun M09 ini sebagai wakil kepada 3K iaitu Katil. Desasiswa Tekun M09 ini merupakan kediaman untuk mahasiswa lelaki sahaja. Katil merupakan tempat untuk berehat. Mahasiswa Tekun menggunakan katil untuk berehat semasa ketiadaan kelas pada waktu petang dan cuti semester. Tempat ini juga digunakan sebagai tempat untuk menyiapkan tugas individu bagi sesetengah mahasiswa Universiti Sains Malaysia.

#### 4.1.2 KAFETERIA RESTU M07 (KAFETERIA)



**Foto 2:** Kafeteria Restu M07

Foto 2 menunjukkan Kafeteria Restu M07. Pemilihan lokasi yang mewakili Kafe ini adalah disebabkan oleh tempat menjadi tumpuan bagi mahasiswa dan mahasiswi yang menetap di Desasiswa Restu untuk bersarapan, makan tengah hari dan makan malam. Selain daripada menjalankan aktiviti tersebut, tempat ini juga digunakan untuk mengadakan perbincangan secara berkumpulan untuk menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah antara mahasiswa dan mahasiswi. Kawasan ini menjadi tumpuan perbincangan kerana kawasan yang luas ini dapat memuatkan sekumpulan mahasiswa dan mahasiswi sewaktu mengadakan perbincangan. Kawasan ini secara tidak langsung akan menggalakan proses sosial antara warga univervisiti.

### 4.1.3 DEWAN KULIAH SAINS KEMASYARAKATAN 2, C23 (KULIAH)



**Foto 3:** Dewan Kuliah Sains Kemasyarakatan 2, C23

Foto di atas mewakili Kuliah iaitu Dewan Kuliah Sains Kemasyarakatan yang bertempat di C23, Universiti Sains Malaysia. Pemilihan tempat Kuliah ini adalah kerana dewan kuliah ini kerap digunakan dalam proses pengajaran. Mahasiswa dan mahasiswi sering menggunakan dewan kuliah ini kerana dewan kuliah yang besar ini mampu memuatkan bilangan pelajar yang ramai. Mahasiswa dan mahasiswi juga akan mengadakan interaksi sosial bersama dengan rakan kuliah di sekitar kawasan ini. Selain menyampaikan kuliah, dewan kuliah ini juga digunakan untuk majlis-majlis tertentu seperti ceramah, dan bengkel ilmiah dan sebagainya. Dewan kuliah ini juga digunakan bagi perjumpaan unit beruniform Kelana Siswa Universiti Sains Malaysia.



## 4.2 KEPENTINGAN KEMUDAHAN YANG TERDAPAT DI SEKITAR KAWASAN 3K

### 4.2.1 DESASISWA TEKUN M09 (KATIL)

#### a. Katil



**Foto 4:** Katil

Foto 4 menunjukkan katil yang berada di dalam bilik setiap penghuni desasiswa. Berdasarkan temu bual yang dijalankan bersama dengan responden, pengkaji mendapati bahawa katil digunakan untuk aktiviti beristirahat selepas aktiviti di dalam kampus dan digunakan sebaik mungkin ketika cuti pertengahan semester bagi mahasiswa yang tidak pulang ke kampung halaman.

### **b. Meja Belajar**



**Foto 5:** Meja belajar

Gambar di atas menunjukkan meja belajar yang berada berhampiran dengan katil. Meja belajar digunakan untuk aktiviti seperti menyiapkan tugas dan mengulang kaji pelajaran.

### **c. Tandas**



**Foto 6:** Tandas

Tandas merupakan salah satu kemudahan yang disediakan untuk memudahkan mahasiswa menjalankan aktiviti seperti membersihkan diri seperti mandi, mengambil wudhuk dan membuang air.

#### **d. Bilik Pantri**



**Foto 7: Bilik Pantri**

Mesin basuh dan mesin air yang terdapat pada aras ini memudahkan mahasiswa untuk menjalankan aktiviti seperti membasuh kain. Temu bual yang dijalankan menyatakan bahawa kewujudan mesin air ini juga membolehkan mahasiswa mendapatkan bekalan air dengan memasukkan duit syiling ke dalam mesin ini.

#### **e. Bilik Menggosok**



**Foto 8: Bilik Menggosok**

Foto 8 menunjukkan kemudahan bilik menggosok yang terdapat di setiap aras Desasiswa Tekun ini. Bilik menggosok ini memudahkan mahasiswa untuk menggosok baju mereka.

**f. Lif**



**Foto 9: Lif**

Lif merupakan salah satu kemudahan yang penting bagi pergerakan mahasiswa. Kewujudan kemudah lif ini membolehkan mahasiswa bergerak naik dan turun ke bilik masing-masing. Lif ini juga penting dalam proses mempercepatkan pergerakan berbanding menggunakan tangga.

#### **g. Bilik Tv**



**Foto 10: Bilik Tv**

Bilik tv merupakan ruang yang membolehkan mahasiswa untuk menonton televisyen dan membuat kerja sampingan seperti mengulang kaji pelajaran dan melakukan perbincangan.

#### **h. Bilik Bacaan**



**Foto 11: Bilik bacaan**

Bilik bacaan merupakan ruang yang membolehkan mahasiswa untuk mengulang kaji pelajar, membaca bahan ilmiah dan melakukan perbincangan bersama rakan sekumpulan.

## 4.2.2 KAFETERIA RESTU M07 (KAFETERIA)

### a. Meja dan Kerusi



**Foto 12:** Meja dan kerusi

Kemudahan meja dan kerusi makan yang disediakan sememangnya menjadi keperluan untuk sesebuah kafe. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, bilangan meja dan kerusi ini dapat menampung bilangan mahasiswa dan mahasiswi yang datang ke kafe. Selain menjadi tempat untuk menjamu selera, kemudahan ini juga dimanfaatkan untuk membuat perbincangan, mengadakan mesyuarat dan sememangnya menjadi tempat atau lokasi perjumpaan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi.

### b. Gerai Makanan



**Foto 13:** Gerai makanan

Gerai makanan di kafe Restu menyediakan harga berpatutan kepada para pelajar. Lauk pauk yang disediakan juga menepati cita rasa mahasiswa dan mahasiswi. Berdasarkan daripada temu bual yang telah dilakukan, Pecal Ayam Restu merupakan salah satu makanan yang menjadi tumpuan oleh penghuni desa Restu dan Saujana. Gerai-gerai makanan di kafe ini juga bukan hanya menyediakan kepelbagaian variasi, malah membuka peluang pekerjaan kepada mahasiswa dan mahasiswi yang ingin menambah pendapatan. Hal ini secara tidak langsung telah membantu pelajar menambah pengetahuan, kemahiran dan pengalaman terutamanya dalam bidang perniagaan.

### c. Mesin ATM



**Foto 14:** Mesin ATM

Foto 12 menunjukkan kemudahan mesin ATM yang terdapat di Kafeteria Restu. Kemudahan mesin ATM ini memudahkan mahasiswa dan mahasiswi mengeluarkan wang untuk keperluan harian. Tambahan pula, berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, lokasi penempatan ATM di kawasan kafe restu adalah strategik menyebabkan mesin ini sering digunakan dalam urusan pengeluaran tunai.

#### **d. Kemudahan Belajar**



**Foto 15:** Kemudahan meja belajar

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, ramai mahasiswa dan mahasiswi yang memanfaatkan meja belajar ini untuk membuat sebarang tugas. Tugas yang dilakukan adalah tugas yang menggunakan alat komputer atau laptop. Hal ini demikian kerana, terdapat palam disediakan untuk memudahkan mereka mengecas komputer riba.

#### **e. Tong Sampah dan Penyimpanan Pinggan**



**Foto 16:** Tong sampah dan penyimpanan pinggan

Terdapat 7 tong sampah termasuk tong sampah yang berada dalam tandas lelaki dan perempuan di kawasan kafeteria Restu. Penyediaan



tong sampah ini adalah bertujuan untuk menjaga kebersihan kafe. Mahasiswa dan mahasiswi boleh membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan. Manakala, untuk penyimpanan pinggan mangkuk di kafe Restu pula bertujuan untuk memastikan kebersihan meja tanpa sebarang pinggan mangkuk dan bekas sisa makanan. Hal ini juga secara tidak langsung telah membantu dalam proses pembersihan dan memudahkan kerja para peniaga untuk mengumpul pinggan mangkuk yang telah digunakan.

#### **f. Tandas**




**Foto 17: Tandas**

Kemudahan tandas awam yang disediakan untuk lelaki dan perempuan sememangnya menjadi keperluan yang sangat penting. Keadaan tandas yang bersih serta mempunyai bekalan air bersih yang mencukupi memberi keselesaan kepada mahasiswa dan mahasiswi.

### **4.2.3 DEWAN KULIAH SAINS KEMASYARAKATAN 2 C23 (KULIAH)**

#### **a. Dewan Kuliah Sains Kemasyarakatan 2, C23**



**Foto 18:** Keadaan dewan kuliah

Dewan kuliah Sains Kemasyarakatan terletak di dalam kawasan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, C23. Kawasan ini terletak di antara Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan Pejabat censellori. Dewan kuliah Pusat Pengajian SK mempunyai 4 buah dewan kuliah. Terdapat 2 dewan yang berada di tingkat atas dan 2 lagi ditingkat bawah. Dewan kuliah ini sering digunakan oleh kursus major Geografi untuk mengadakan kuliah. Kuliah ini dapat menampung 300 kapasiti orang.

## **b. Tandas**



**Foto 19:** Tandas yang berada di Sains Kemasyarakatan

Terdapat 2 tandas disediakan di kawasan ini yang dibahagi kepada kawasan lelaki dan kawasan perempuan. Kemudahan ini membolehkan warga USM menggunakannya pada bila-bila masa.

## **c. Sudut Pelajar Pusat Pengajian Sains Masyarakat**



**Foto 20:** Sudut pelajar yang terdapat di Pusat Pengajian Sains Masyarakat

Sudut pelajar ini terletak betul-betul di bahagian tengah Dewan Kuliah Sains Kemasyarakatan. Sudut pelajar ini digunakan bukan sahaja

oleh para mahasiswa mahasiswi tetapi pensyarah dan juga orang awam. Kawasan ini berfungsi untuk dijadikan kawasan perbincangan dan mengulang kaji mahasiswa mahasiswi. Perbincangan yang dijalankan antara mahasiswa dan mahasiswi ini secara tidak langsung meningkatkan interaksi sosial.

#### **d. Tempat Parkir Motor dan Kereta**



**Foto 21:** Tempat parkir motor dan Kereta

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, kemudahan tempat parkir motor dan kereta yang disediakan di hadapan bangunan Sains Masyarakat telah memudahkan mahasiswa dan mahasiswi yang menggunakan kenderaan pergi ke kelas. Kemudahan ini bukan sahaja

dinikmati oleh mahasiswa dan mahasiswi USM, namun juga digunakan oleh pensyarah dan pekerja USM.

**e. Papan kenyataan**



**Foto 22:** Papan kenyataan yang berada di Sains Kemasyarakatan

Papan kenyataan yang dipasang di kawasan Sains Kemasyarakatan ini telah memberi pendedahan kepada warga USM untuk mengetahui program-program atau iklan yang akan berlangsung di USM ini.

### **4.3 KELEMAHAN KEMUDAHAN YANG TERDAPAT DI SEKITAR KAWASAN 3K**

#### **4.3.1 DESASISWA TEKUN M09 (KATIL)**

##### **a. Keadaan katil yang rosak**



**Foto 23:** Keadaan katil yang rosak

Berdasarkan pemerhatian diatas, katil yang berada di bilik desa lelaki mengalami kerosakan dan usang. Hal ini demikian kerana, katil ini sudah digunakan dalam tempoh masa yang agak lama dan tidak digantikan.

##### **b. Keadaan katil yang berada berhampiran dengan parkir motor**



**Foto 24:** Keadaan katil yang berhampiran dengan parkir motor

Keadaan katil yang berdekatan dengan parkir motor telah menyebabkan pencemaran bunyi berlaku. Berdasarkan temu bual yang dilakukan, penghuni di kawasan ini menyatakan bahawa mereka mengalami bunyi yang bising pada waktu pagi hasil daripada bunyi motor ini. Tambahan lagi, bukan bunyi bising dari motor sahaja, kenderaan seperti kereta dan bas yang lalu lalang di kawasan tersebut juga telah mengganggu penghuni di kawasan tersebut.

**c. Tombol pintu tandas yang tidak berfungsi**



**Foto 25:** Tombol pintu tandas yang rosak

Berdasarkan pemerhatian foto 20 menunjukkan kerosakkan pada tombol pintu tandas. Pintu tandas yang berada dalam keadaan rosak ini menyebabkan mahasiwa berasa tidak selesa apabila membuang air.

#### d. Kerosakan pada lif



**Foto 26:** Kerosakkan pada lif yang menunjukkan ‘*Out of Service*’

Lif yang berada di Desasiswa Tekun ini sering kali mengalami kerosakan. Kerosakan ini memakan masa yang lama untuk diperbaiki oleh pihak Desasiswa Tekun menyebabkan mahasiswa terpaksa menggunakan tangga untuk sampai ke bilik. Sesetengah mahasiswa yang berada pada aras yang tinggi, mereka terpaksa menunggu lif dengan lama untuk turun bagi urusan masing-masing. Keadaan ini secara tidak langsung telah memberi kesulitan kerana telah melambatkan urusan seharian mahasiswa.



#### e. Bilik Belajar



**Foto 27:** Bilik belajar yang berada pada aras bawah


Bilik belajar yang berada pada aras bawah terletak di kawasan yang terlindung. Hal ini menyebabkan darjah ketersampaian bilik tersebut adalah rendah kerana mahasiswa tidak menyedari keberadaan bilik belajar tersebut. Bilik belajar yang terlindung ini juga mempunyai sistem pengudaraan yang tidak sistematik. Selain itu, pencahayaan juga kurang kerana kedudukan bilik ini yang terlindung. Mahasiswa lebih gemar melakukan perbincangan bersama ahli kumpulan di kafesiswa berbanding bilik belajar ini.

### 4.3.2 KAFETERIA RESTU M07 (KAFETERIA)

#### a. Lantai Kafe

Terdapat kawasan lantai di kafe yang tidak bersih pada jangka masa yang tertentu. Sebagai contoh, terdapat sisa-sisa makanan di lantai yang berselerak dan keadaan lantai yang berminyak. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, keadaan lantai yang kotor ini adalah disebabkan oleh terdapat mahasiswa mahasiswi yang meletakkan sisa makanan mereka di lantai untuk memberi makan kepada kucing-kucing yang terdapat di kafe tersebut. Keadaan ini juga sedikit sebanyak menjejaskan pandangan persekitaran kafe yang akhirnya menimbulkan ketidakselesaan pengguna .

#### b. Keadaan Meja yang Kotor



**Foto 28:** Keadaan meja yang kotor

Terdapat juga meja yang berada dalam keadaan yang kotor iaitu terdapat sisa makanan terbiar, basah dan kesan minyak di atas meja. Hal ini menyebabkan ketidakselesaan kepada pengguna di kafe tersebut. Ketidakselesaan ini semakin ketara apabila temu duga dijalankan bersama dengan responden yang menyatakan mereka tidak berasa selesa apabila membuat perbincangan dan tugas di kawasan kafe restu.


### c. Kipas tidak berfungsi



**Foto 29:** Keadaan kipas yang tidak berfungsi

Meskipun terdapat bilangan kipas yang mencukupi disediakan, namun begitu, setelah melaksanakan kaedah pemerhatian, terdapat sebahagian kipas yang tidak berfungsi ataupun rosak. Hal ini juga mengundang ketidakselesaan kepada pengguna kerana adakalanya kawasan kafe restu panas terutamanya menjelang waktu tengah hari. Tambahan pula, pada waktu kemuncak itu, kafe restu dikunjungi ramai pelajar yang ingin makan tengah hari.

### d. Kemudahan Palam yang Rosak



**Foto 30:** Palam rosak di kawasan kafe

Kemudahan palam adalah sangat penting. Namun kemudahan palam yang disediakan adalah sangat terhad dan terdapat banyak palam yang tidak dapat berfungsi dengan baik ataupun rosak. Hal ini menyukarkan pelajar untuk mengecas laptop apabila mereka membuat tugas. Lebih-lebih lagi, kebanyakan tugas yang perlu disiapkan mengambil masa yang lama dan perlu berada di kafe untuk menyiapkan bersama ahli kumpulan.

**e. Tong Sampah dan Penyimpanan Pinggan**

Tong sampah yang penuh pada waktu kemuncak menyebabkan longgokan sisa makanan kelihatan di kawasan cafe. Longgokan sisa makanan ini secara tidak langsung akan memberi impak terhadap keselesaan kepada pengguna yang makan di kafe restu ini. Penyimpanan pinggan yang penuh juga menyebabkan tempat ini menjadi tidak teratur dan menyukarkan lagi penyimpanan pinggan yang lain.

### 4.3.3 DEWAN KULIAH SAINS KEMASYARAKATAN 2 C23 (KULIAH)

#### a. Meja dan Kerusi di Dalam Dewan Kuliah Yang Rosak



**Foto 31:** Kerosakan pada meja dan kerusi

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, didapati meja dan kerusi yang berada di dalam dewan kuliah mengalami kerosakkan. Kerosakkan yang dialami ini membuatkan mahasiswa dan mahasiswi hilang fokus untuk belajar. Mereka terpaksa berhadapan dengan meja yang tidak stabil ketika menulis nota.

#### b. Tombol Kunci Tandas Yang Rosak



**Foto 32:** Tombol pintu yang rosak

Kerosakan tombol kunci merupakan kerosakan yang biasa didapati di universiti ini. Kerosakan tombol kunci sudah semesti memberi ketidakselesaan kepada pengguna yang memakainya. Hal ini demikian kerana, pengguna wanita akan berasa tidak selamat ketika menggunakan kemudahan tandas ini.

### c. Kerosakan pada suis di Sudut Pelajar



**Foto 33:** Kerosakan pada suis di Sudut Pelajar

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, foto 33 menunjukkan kerosakkan yang berlaku pada suis di Sudut Pelajar Sains Kemasyarakatan. Kerosakan ini telah membantutkan urusan mahasiswa dan mahasiswi yang ingin menggunakan suis ini untuk urusan masing-masing.

#### d. Kadar Denda Parkir di kawasan Sains Masyarakat



Foto 34: Keadaan kenderaan yang dikenakan denda

Kawasan parkir yang terhad menyebabkan ramai pengguna memarkir kenderaan mereka di kawasan yang tidak sepatutnya. Hal ini akan mengundang kepada denda yang dikenakan oleh Jabatan Keselamatan. Kadar dendaan adalah dalam anggaran RM30 sehingga RM50.

## 5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini memfokuskan kepada pemetaan penggunaan dan masalah berkaitan kehidupan komuniti kampus dengan merujuk kepada pelajar sebagai komponen utama komuniti kampus. Dengan menggunakan kaedah pemerhatian di tiga kawasan kajian dan temu bual bersama responden, pengkaji telah dapat mengenal pasti aktiviti pelajar yang melibatkan penggunaan kemudahan dan masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam kawasan kajian di Universiti Sains Malaysia. Tiga kawasan kajian tersebut adalah kawasan yang diwakili oleh 3K iaitu Kafe (Desasiswa Restu), Katil (Desasiswa Tekun Lelaki) dan Kuliah (Dewan Kuliah Sains Kemasyarakatan 2 kawasan sekitarnya). Hasil kajian mendapati bahawa masalah dominan yang dihadapi oleh para pelajar ialah masalah kemudahan di dewan kuliah yang tidak sempurna dan juga masalah kekurangan kawasan tempat parkir di kawasan Kuliah. Masalah dominan yang dihadapi di kawasan Katil pula ialah masalah lif dan akhir sekali ialah masalah dominan yang dihadapi di kawasan Kafe pula ialah masalah penyimpanan piring selepas makan dan juga masalah pengasingan sisa makanan yang tidak teratur.

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi memperbaiki kemudahan yang sedia ada. Antaranya, pihak yang bertanggungjawab perlulah lebih peka dengan sebarang kerosakan yang berlaku serta pantas membuat penambahbaikan supaya kemudahan tersebut dapat digunakan selaras fungsi asalnya. Misalnya, sebarang kerosakan di dewan kuliah Sains Kemasyarakatan 2 yang melibatkan kemudahan-kemudahan penting seperti meja lipat, pembesar suara, mikrofon dan juga skrin LCD perlulah diperbaiki untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan bermakna. Begitu juga dengan kemudahan lain yang berkait rapat dengan aktiviti pelajar di sekitar dewan kuliah Sains Kemasyarakatan 2 seperti kemudahan tandas sama ada dari segi perpaipan dan pintu tandas perlulah dibaik pulih dengan segera untuk kelancaran aktiviti harian pelajar di kawasan Kuliah ini. Selain itu, pelajar juga perlulah menjalankan tanggungjawab mereka untuk melaporkan sebarang kerosakan dengan segera agar kerja-kerja pembaikan dapat dijalankan.



Di samping itu, terdapat juga cadangan penambahbaikan untuk menambah bilangan kawasan parkir kenderaan terutamanya motorsikal para pelajar. Hal ini demikian kerana, kawasan parkir motorsikal yang tidak mencukupi menyebabkan mereka terpaksa meletakkan motorsikal di kawasan lain yang sedikit jauh daripada kawasan dewan kuliah. Hal ini menyebabkan pergerakan mereka ke kawasan dewan menjadi sedikit perlahan dan mengambil masa yang lama untuk sampai ke dewan kuliah. Cadangan yang terakhir ialah menyelenggara papan kenyataan yang terdapat di kawasan dewan kuliah Sains Kemasyarakatan. Hal ini demikian kerana, pengkaji mendapati bahawa papan kenyataan tersebut tidak pernah dikemaskini sejak berbulan-bulan lamanya kerana iklan dan informasi yang dipaparkan adalah lama-lama belaka. Oleh itu, Pihak yang bertanggungjawab perlulah menjalankan penyelenggaraan dengan mengemaskini papan kenyataan tersebut sekurang-kurangnya dua kali seminggu untuk memastikan informasi atau iklan yang hendak disampaikan memenuhi keperluan semasa pelajar.

Akhir sekali, pengkaji mengharapkan agar hasil kajian ini dapat membuka mata semua warga Universiti Sains Malaysia untuk menghargai kemudahan yang disediakan dan menggunakannya dengan sebaik mungkin demi kelancaran aktiviti harian mereka terutamanya proses pengajaran dan pembelajaran di masa hadapan. Selain itu, pengkaji juga mengharapkan agar kerja-kerja penambahbaikan dapat dijalankan dengan segera oleh pihak berwajib bagi menjamin keberkesanan pembelajaran para pelajar terutamanya di dewan kuliah. Diharapkan agar kajian ini dapat digunakan sebagai rujukan untuk kajian pada masa hadapan.

## **RUJUKAN**

Arif Sudrajat, 2016. *Sustainable Development Goal: Masyarakat Desa*. Surabaya: Universiti Negeri Surabaya.

Griffie, D., T. (2005). Research Tips: Interview Data Collection. *Annotated Bibliography of Major Journals in Developmental Education: Vol. 28, Article 3*

Palvia, Prashant; Mao, En; Salam, A.F.; and Soliman, Khalid S. (2003) "Management Information Systems Research: What's There in a Methodology?,"

*Communications of the Association for Information Systems: Vol. 11 , Article 16.*

Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyeidikan dan Panduan Penulisan (esei, proposal, tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

## **LAMPIRAN**

## **Soalan Temu Bual**

### **1. Katil**

- a) Apakah fungsi katil?
- b) Apakah fungsi mesin air yang berada di aras satu Desasiswa Tekun?

### **2. Kafe**

- a) Adakah meja yang disediakan di kafe Desasiswa Restu ini sesuai untuk proses pembelajaran dan perbincangan?
- b) Adakah harga makanan yang dijual berpatutan?

### **3. Kuliah**

- a) Adakah papan kenyataan yang terdapat di sekitar Dewan Kuliah Sains Kemasyarakatan relevan untuk dijadikan sebagai rujukan oleh para pelajar?
- b) Adakah tandas yang disediakan mencukupi dari segi bilangan dan fungsinya?
- c) Apakah pandangan anda mengenai kemudahan parkir kereta dan motorsikal yang disediakan di kawasan Kompleks Dewan Kuliah Sains Kemasyarakatan C23?
- d) Apakah cadangan penambahbaikan yang perlu dilakukan di kawasan parkir kereta dan motorsikal di kawasan Kompleks Dewan Kuliah Sains Kemasyarakatan C23? (Jika ada)